

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/Jld12 (30)
Tarikh: 5 MEI 2014

KENYATAAN MEDIA

MBPJ BUKA KAUNTER EZ-PAY

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA akan membuka kaunter bergerak ez-pay pada bulan MEI 2014. Aktiviti ini merupakan usaha dan langkah pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak terutamanya.

Di samping itu, kaunter bergerak ez-pay ini juga di harap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk hadir ke kaunter bergerak yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Sebagai makluman, antara kawasan-kawasan yang akan dilawati sepanjang bulan MEI ini adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
1	SD 12 Persiaran Cempaka (Berhampiran Surau Flat Persiaran Cempaka)	Sabtu	03.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
2	PJS 2C/2, Tmn Medan Cahaya (Berhampiran Surau PJS 2C/2)	Ahad	04.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
3	PJU 10, Damansara Damai (Berhampiran stesen minyak Shell dan McDonald's)	Isnin - Jumaat	05.05.2014 - 09.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
4	Petak AIM PPR Sek 8, Kota Damansara	Sabtu	10.05.2014	08.00 pg - 12.00 ptg
5	PJS 8/9, Apt Damai (Parking Kereta Berhampiran Blok C)	Ahad	11.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
6	SS 24 Pasar Taman Megah	Isnin - Jumaat	12.05.2014 - 16.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg

7	Selera Impian Sek.7, Kota Damansara	Sabtu	17.05.2014	08.00 pg - 12.00 ptg
8	Dataran Sunway PJU5	Ahad - Rabu	18.05.2014 - 21.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
9	Jalan Cecawi 6/18A PB 6 Kota Damansara (Berhampiran stesen minyak Shell dan McDonald's)	Khamis - Isnin	22.05.2014 - 26.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
10	PJU8/ 9 Flora Damansara (Depan pintu masuk Apartment Flora D'sara)	Selasa - Jumaat	27.05.2014 - 30.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg
11	PJS 6/5C, Desa Mentari Blok 4.	Sabtu	31.05.2014	10.00 pg - 3.00 ptg

Diharapkan dengan adanya hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan yang telah dirancang. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter ez-pay ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai, kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-2046035, ahmadiskandar@mbpj.gov.my